

SYARAT-SYARAT TEMPHAAN E-KENDERAAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UMS

E-Tempahaan@JHEP adalah borang Permohonan Tempahan Kenderaan secara atas talian bagi memudahkan pelajar dan kakitangan UMS untuk memohon tanpa perlu menghadirkan diri ke pejabat Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Pemohon hendaklah membaca dan memahami terma dan syarat-syarat tempahan kenderaan sebelum membuat sebarang permohonan. Syarat-syarat adalah seperti yang berikut :

1. Pemohon hendaklah mengisi Borang Tempahan Kenderaan secara dalam talian yang disediakan termasuk penggunaan segera untuk diproses oleh Unit Kenderaan, Bahagian Pentadbiran & Kewangan, JHEP. Pautan borang adalah seperti berikut :
<https://forms.office.com/r/dAsZTGQWPb>
2. Bagi pemohon Kategori:
 - A. **Pelajar O.K.U UMS / Prasiswazah/ Pascasiswazah :**
 - I. Mengisi borang secara dalam talian seperti dalam pautan pada perenggan 1 dan melampirkan dokumen yang menyokong permohonan seperti Surat Rawatan Pegawai Perubatan / Surat Kelulusan Aktiviti/ Surat Jemputan dan sebagainya.
 - B. **Kakitangan JAFPIB UMS :**
 - I. Pemohon dikehendaki memajukan surat permohonan kepada Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang ditandatangani oleh Ketua JAFPIB masing-masing serta mengisi borang secara dalam talian seperti pada pautan 1 dan melampirkan surat permohonan.
3. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya (3) hari waktu bekerja sebelum tarikh/masa penggunaan bagi sekitar dalam kawasan UMS dan (5) hari waktu bekerja bagi perjalanan di luar kawasan UMS serta salinan surat berkaitan aktiviti dan tentatif perjalanan hendaklah dilampirkan bagi tempahan Van.
4. Keutamaan akan diberikan kepada penggunaan kenderaan atas kesihatan yang memerlukan kenderaan, urusan rasmi dan mengikut kepentingan keperluan Universiti.
5. Pembatalan dan perubahan masa terhadap permohonan yang ditempah hendaklah memaklumkan kepada Unit Kenderaan JHEP selewat-lewatnya 24 jam sebelum masa penggunaan.
6. Penumpang kenderaan Universiti hanya dibenarkan kepada kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah sahaja seperti yang tercatat dalam Permohonan/ Lampiran/ Arahan Tugas Pemandu.
7. Penggunaan kenderaan Universiti tidak dibenarkan membuat perjalanan ke tempat lain selain daripada yang tercatat di dalam borang permohonan penggunaan kenderaan. Tempahan akan terbatas secara automatik sekiranya pemohon tidak berada di tempat menunggu yang ditetapkan (15 minit) dari masa yang ditetapkan.
8. Tempahan kenderaan adalah tertakluk kepada kekosongan. Unit Kenderaan JHEP berhak menolak permohonan tempahan sekiranya tempahan telah penuh, tidak melampirkan dokumen dan perkara-perkara lain yang tidak relevan dengan permohonan tersebut.
9. JHEP tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang bentuk ganti rugi yang dialami oleh pemohon jika menggunakan perkhidmatan ini dan menjadi tanggungjawab pemohon sepenuhnya.

Sebarang aduan atau cadangan berkenaan permohonan kenderaan dan pemandu boleh menghubungi atau menulis emel seperti maklumat yang berikut :

📍 Unit Kenderaan
Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah.

📞 088-320060

✉️ myjhep@ums.edu.my



Borang E-Tempahan
Kenderaan